

Zohadie
puas jadi
pendidik

SELEPAS bersara daripada dunia pendidikan pada 2006, bekas Naib Canselor Universiti Putra Malaysia ini mula membuka lembaran baru dalam hidupnya.

Jika sebelum ini namanya gah sebagai pendidik, kini Profesor Emiritus Datuk Dr Ir Muhamad Zohadie Bardiae, 62, menggalas cabaran baru berkecimpung dalam dunia perniagaan di bidang kejuruteraan.

Muhamad Zohadie mengakui, ketika berjinak-jinak dalam perniagaan, beliau merasa janggal dan ia bagaikan dunia asing.

"Ia tidak sesukar mana pun, cuma ia masih baru buat saya, jika sebelum ini saya lebih fahami ia secara teori, kini lebih kepada praktikal.

"Perniagaan ini bagi saya ibarat sebatang pokok, perlu pastikan ia sentiasa berbuah dengan baik. Skopnya juga lebih luas dan mencabar," katanya.

Muhamad Zohadie ketika ini menjadi Pengurus Syarikat Perunding Bakti Sdn Bhd yang diusahakan atas kerjasama anak didiknya.

Selain itu, beliau menjadi Pengurus Eksekutif Foresight Industries Sdn Bhd dan Ahli Lembaga Inno Biologics Sdn Bhd.

Beliau berkata, jika diimbaskan kembali zaman kanak-kanaknya, dunia perniagaan bukan asing dalam hidupnya.

Ketika melewati usia kanak-kanak di kampungnya di Meru, Klang, beliau bersama adik-beradiknya kerap membantu bapanya memproses kopi untuk dijual.

"Saya selalu ikut bapa menjual kopi berkenaan, keluarga saya ketika itu mengusahakan juga kedai kopi.

"Bagaimanapun, selepas habis belajar, 'perniagaan' ini tidak melekat pada saya, sebaliknya saya lebih berminat bergelar pendidik," katanya.

Mengimbaskan kembali

pembabitannya dalam bidang pendidikan, beliau mengakui masih sayang dengan dunia itu sekalipun sudah lebih enam tahun meninggalkannya.

>Profil

NAMA: Profesor Emiritus Datuk Dr Ir Muhamad Zohadie Bardiae

USIA: 62 tahun

LAHIR: 29 Disember 1950 di Meru, Klang, Selangor

PENDIDIKAN: Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Binjai, Klang, Selangor; Sekolah Tinggi Klang; Kolej Pertanian Malaya (1968); University of California, Davis, Amerika Syarikat (1976); Cornell University, Amerika Syarikat (1979)

JAWATAN SEKARANG: Pengurus Syarikat Perunding Bakti Sdn Bhd, Pengurus Eksekutif Foresight Industries Sdn Bhd dan Ahli Lembaga Inno Biologics Sdn Bhd

JAWATAN TERDAHULU: Bekas Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (18 April 2001 - Disember 2006)

PENGALAMAN: Pensyarah kejuruteraan (dari 1978); Dekan Fakulti Kejuruteraan (Ogos 1988 - Julai 1993); Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) (1 Ogos 1993 - 31 Julai 1999)

TERBITAN: Menerbitkan lebih 200 bahan, antaranya jurnal dan buku, selain pembentangan kertas kerja dalam bidang kejuruteraan, inovasi, tenaga dan keusahawanan

HOBII: Bermain golf dan membaca

ANUGERAH: Pingat Darjah Kebesaran Datuk Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (DSSA); Darjah Kebesaran Johan Mangku Negara (JMN)

PENCAPAIAN TERTINGGI: Menerima Profesor Emiritus di Universiti Putra Malaysia pada 2009

ISTERI: Datin Umi Kalsom Hussin

ANAK: Dr Zahrina Azian, Zaureen Aliza dan Zuliana Azrin



KENANGAN... Muhamad Zoharie sekeluarga bergambar bersama Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (tengah).

"Kepuasan hidup saya selama ini, adalah juga kepuasan saya sebagai pendidik. Ia bagaikan darah yang mengalir dalam diri saya, menjadi darah daging saya," katanya yang kini aktif bersama Persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia.

Menyentuh

mengenai cabaran hidup selepas zaman persaraan, bagi beliau, rutin harianya tidak pernah berubah dan masih sesibuk dulu, malah ruang lingkup kerjanya saja yang berubah.

Beliau juga tidak bersetuju menganggap zaman persaraan adalah masa untuk berehat.

"Contoh Tun Dr Mahathir Mohamad (bekas Perdana Menteri), beliau tidak pernah berehat. Kalau saya berhenti kerja, saya akan mati," katanya berseloroh.

